

13 FEB 1998

Mahathir-Ecommerce

RANGKAKERJA MENGENAI PERDAGANGAN ELEKTRONIK DIPERLUKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Malaysia telah mencadangkan penubuhan satu rangkakerja Asean mengenai Perdagangan Elektronik (E-Commerce) untuk menyediakan asas bagi satu wawasan bersama kemunculan pasaran digital dan menggariskan isu-isu utama ketika dunia memasuki era baru perdagangan elektronik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata inisiatif serantau mungkin diperlukan untuk menangani isu-isu tersebar luas yang timbul daripada kemajuan pesat "ekonomi digital" dan E-Commerce.

Sambil mengulangi komitmen kerajaan untuk menyokong pertumbuhan E-Commerce, Dr Mahathir berkata rangkakerja itu juga akan menyediakan asas bagi perbincangan untuk memudahkan pembentukan satu kedudukan Asean memangkinkan pertumbuhan E-Commerce.

Semasa berucap pada perasmian Persidangan Meja Bulat Ahli Ekonomi Dalam Bidang Elektronik di Asia di sini, beliau berkata walaupun pertumbuhan E-Commerce pada dasarnya digerakkan oleh sektor swasta, adalah perlu untuk mengawasi dan mengawal kemajuannya bagi mewujudkan suasana yang wajar bagi E-Commerce untuk berkembang.

"Banyak isu perlu diteliti dan halangan-halangan tradisional yang harus diatasi," katanya pada hadirin yang menyertai perbincangan anjuran Economist Group London itu, pembekal maklumat bagi syarikat-syarikat yang menubuhkan dan menjalankan operasi di peringkat antarabangsa.

Beberapa anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi Koridor raya Multimedia (MSC) Malaysia yang menghadiri mesyuarat IAP kedua di Cyberjaya dekat sini turut menghadiri persidangan itu.

Perdana Menteri berkata melalui MSC, Malaysia telah membaktikan diri kepada pembangunan teknologi multimedia yang akan mengetepikan halangan-halangan dalam menjalankan perniagaan dan menggalakkan pemasaran tanpa sempadan.

"Kami mahu mempelawa negara-negara jiran Asean kami serta sesiapa jua yang berminat untuk melicinkan sebarang halangan dalam kemajuan menuju ke arah dunia elektronik, untuk menyertai usaha ini," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata negara-negara yang sudahpun mempunyai infrastuktur untuk menyokong E-Commerce ini dari segi sumber manusia dan jumlah pembekal perkhidmatan serta mempunyai bahagian pasaran yang lebih besar dan akses yang lebih baik dalam pasaran, sudah pastinya mempunyai kelebihan berbanding yang lain.

"Bagaimanapun peluang untuk membangunkan E-Commerce juga terbuka kepada negara lain dalam rantau Asean yang mempunyai kedudukan baik untuk melompat ke dalam era maklumat."

Dr Mahathir berkata pembangunan dalam E-Commerce mewujudkan banyak isu berkaitan yang mencabar amalan-amalan, undang-undang dan sistem-sistem biasa yang telah wujud.

Katanya dengan ekonomi digital baru ini, kegiatan perniagaan boleh dilakukan dengan pergerakan fizikal yang minimum bagi orang, wang dan dalam banyak kes, produk.

Kontrak-kontrak dan pemindahan nilai serta pengumpulan aset akan dilakukan melalui kaedah elektronik dan teknologi maklumat akan terus membangun pada kadar yang pesat dan mempengaruhi jumlah serta arah kegiatan ekonomi.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata banyak peraturan yang ada dalam ekonomi hari ini tidak lagi boleh digunakan dalam ekonomi digital.

"Sama ada kita suka atau tidak, perangkaan menunjukkan bahawa E-Commerce akan menjadi sebahagian daripada kehidupan kita -- dalam masa terdekat ini.

"Kita harus menyiapkan diri untuk menerimanya, atau kita akan ketinggalan serta kerugian kerana sebahagian besar ekonomi dan dunia perniagaan akan diurusniagakan secara elektronik," kata Dr Mahathir.

Dengan berkongsikan pengalaman Malaysia, beliau berkata kerajaan telah mengambil satu pendekatan pragmatik dengan menguji dan membuat percubaan dalam situasi kehidupan sebenar "daripada membiarkan negara dibawa arus teknologi yang seketika dan sementara."

Perdana Menteri berkata Malaysia telah membangunkan satu Agenda Teknologi Maklumat untuk menyokong wawasan negara menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Untuk memulakan satu masyarakat yang berilmu melalui agenda itu, MSC telah diwujudkan, sebuah pusat teknologi tinggi multimedia yang meliputi kawasan seluas 750 km persegi di selatan ibunegara.

Dr Mahathir berkata untuk mempelopori pembangunan MSC, tujuh aplikasi teras telah dikenalpasti, satu daripadanya ialah mewujudkan rangkakerja dan infrastruktur bagi menyokong inisiatif E-Commerce untuk pemasaran tanpa sempadan.

Keperluan asas bagi kejayaan pelaksanaan E-Commerce ialah kepercayaan dan jaminan bahawa urusanniaga boleh berjalan dengan selamat.

"Oleh itu adalah penting sekali untuk membangunkan satu sistem pentadbiran yang wajar untuk menguruskan pergerakan maklumat ini -- dan sumber-sumber berasaskan pengetahuan dengan pertumbuhan perniagaan elektronik secara global," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

ES RON